

12 JUL 2000

PARLIMEN: USUL PAS BINCANG DAKWAAN RASUAH KE ATAS PM DITOLAK

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini menolak usul PAS yang meminta mesyuarat dewan ditangguhkan bagi membincangkan isu dakwaan rasuah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menghalang tugas seorang pegawai awam, ketua pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR)

Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail ketika menolak usul itu berkata perkara itu, walaupun merupakan perkara tertentu dan berkepentingan orang ramai, ia tidak perlu disegerakan.

Jika kejadian itu telah dilaporkan kepada polis, beliau yakin perkara itu akan disiasat mengikut proses undang-undang seperti kebiasaannya, katanya.

Ketua pembangkang Datuk Fadzil Noor semasa membentangkan usul itu mendakwa Dr Mahathir telah menghalang ketua pengarah BPR ketika itu Datuk Shafie Yahya menjalankan siasatan terhadap ketua pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) Tan Sri Ali Abul Hassan pada Jun 1998.

Dakwaan berdasarkan kenyataan bersumpah Shafie pada perbicaraan liwat bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan polis telah mengeluarkan kenyataan pada 2 Julai bahawa ia telah membuka siasatan ekoran satu laporan yang dibuat Anwar pada 13 Jun mengenainya.

-- BERNAMA

NY RON